

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Semenjak tahun 1970-an banyak kajian tentang penukaran kod telah dilakukan, khususnya untuk mencari penjelasan kepada persoalan kenapakah seseorang penutur dwibahasa atau berbilang bahasa suka menukar bahasa dalam wacananya yang sama dan apakah aspek bahasa yang membolehkannya berbuat demikian. Apakah makna mesej sebenar yang ingin disampaikan? Adakah penukaran kod perlu mematuhi sesuatu peraturan? Apakah bentuk nahu yang digunakan apabila seseorang menukar kod dari satu bahasa kepada bahasa yang lain? Apakah pengamalnya perlu mencipta suatu bentuk nahu yang berlainan daripada sistem nahu dua atau lebih bahasa yang digunakan ketika menukar kod, umpamanya dari satu frasa ke satu frasa? Inilah di antara beberapa persoalan penting yang perlu diselidiki oleh sarjana bahasa dan sosiolinguistik tentang fenomena penukaran kod.

Jika dilihat dari segi perkembangan kajian penukaran kod, arah penyelidikan pada peringkat awalnya adalah bersifat spekulatif. Menurut Jacobson (1995), banyak fokus telah diberikan kepada aspek makna dan matlamat fungsional penukaran kod, di samping mencipta dasar ke arah kesedaran bahawa penukaran kod dalam sesuatu situasi komunikasi adalah fenomena yang ada sistem dan peraturannya. Bagaimanapun menjelang tahun 1980-an, arah penyelidikannya telah pun berubah kepada penyelidikan yang bersifat teoritis. Tumpuan para penyelidik mula beralih kepada persoalan apakah terdapatnya peraturan khusus dalam sistem nahu dua atau

lebih bahasa yang digunakan ketika seseorang penutur menukar kod. Bertitik tolak daripada itu, maka aspek kendala linguistik telah mula menjadi fokus utama kajian penukaran kod (Jacobson, 1993/1995) dalam usaha untuk cuba meramal dan menghuraikan tempat penukaran (*point of switches*) bagi semua bahasa dan variasi bahasa di dunia ini. Ekorannya, muncullah perspektif baru dalam kajian penukaran kod dengan terbitnya kendala persamaan (*equivalence constraint*) dan kendala morfem bebas (*free morpheme constraint*) yang dipelopori Poplack (1988) dan diikuti oleh kerangka bahasa matrik (*matrix language frame - MLF*) Carol Myers-Scotton (1993a).

Pada amnya, kajian tentang penukaran kod boleh dilakukan mengikut dua perspektif, iaitu perspektif linguistik dan sosiolinguistik. Bagaimanapun untuk tujuan kajian ini, perspektif sosiolinguistik penukaran kod dijadikan fokus kajian. Ini adalah selari dengan objektif kajian yang ingin menghuraikan makna sosial fenomena penukaran kod di kalangan guru pelatih Iban, di samping ingin mengkaji fungsi perbualan serta faktor-faktor yang mencetuskannya.

Kajian penukaran kod dari perspektif sosiolinguistik dibuat atas andaian bahawa penutur dwibahasa atau berbilang bahasa mempunyai sebab-sebab tertentu untuk menukar kod. Antaranya ialah yang berkaitan dengan aspek pragmatik dan motivasi pengamalnya. Oleh itu, fenomena penukaran kod wajar dikaji sebagai suatu fitur penting wacana. Ia tidak boleh dikaji dengan berkesan jika hanya aspek struktur dalaman ayat sahaja yang dipentingkan (Romaine, 1989: 111). Kajian menunjukkan kemungkinan berlakunya penukaran kod adalah sesuatu yang dapat dikenal pasti.

Aspek apakah faktor yang mencetuskannya dan apa pula makna sosialnya sudah menjadi sebahagian penting tumpuan kebanyakkan kajian sosiolinguistik.

Bagi tujuan kajian ini, tinjauan kajian lepas tentang aspek sosiolinguistik penukaran kod dibahagikan kepada dua latar utama, iaitu: (i) kajian dalam konteks Malaysia; dan (ii) kajian dalam konteks bukan Malaysia. Beberapa kajian dalam konteks Malaysia dipilih kerana penyelidik berpendapat bahawa kajian seperti yang dilakukan oleh Chin (1993); Ong (1990); Farid et. al (1987); Siti Hanim (1986); dan Noor Azlina (1975) tentang penukaran kod di kalangan penutur dwibahasa Melayu adalah paling relevan dengan kajian ini memandangkan bahasa Iban mempunyai perhubungan genetik dengan bahasa Melayu. Umum bersetuju bahawa bahasa Iban terletak bersama dengan bahasa Melayu dalam rumpun bahasa Austronesia (Asmah, 1981; Rahim Aman, 1996). Kajian oleh penyelidik lain di luar konteks Malaysia, khasnya oleh sarjana barat juga dipentingkan. Selain menyumbang kepada kerangka kajian ini, kajian oleh para sarjana barat juga memberikan banyak *input* untuk memahami fenomena penukaran kod secara lebih komprehensif lagi.

2.2 Kajian Penukaran Kod Dalam Konteks Malaysia

Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan mengamalkan sistem pendidikan yang menggalakkan penggunaan lebih daripada satu bahasa, kewujudan masyarakat penutur pelbagai bahasa di Malaysia adalah sesuatu yang sukar dinafikan. Hakikat ini terbukti apabila ramai penduduk Malaysia boleh bertutur lebih daripada satu bahasa. Sinonim dengan keupayaan berbahasa itu, berlakulah fenomena penukaran kod hasil daripada proses multilingualisme (Asmah, 1982; Kamwangamalu, 1989).

Fenomena penukaran kod di kalangan penduduk dwibahasa Malaysia telah menarik perhatian para pengkaji tempatan walaupun bilangan kajian yang telah dilakukan masih sedikit. Setakat pengetahuan penyelidik, hanya lima buah kajian secara komprehensif telah dilakukan, termasuk yang terbaru oleh Chin (1993). Kajian yang lebih awal ialah kajian oleh Ong (1990); Farid et. al. (1987); Siti Hanim (1986); dan Noor Azlina (1975). Selain itu, terdapat juga beberapa kertas kerja yang telah dibentangkan (Abdullah 1979; Jacobson dan Safiah 1987; Ozog 1987/ 1990). Dua daripada kajian itu dijalankan di United Kingdom (Noor Azlina, 1975; Siti Hanim, 1986) dan yang selebihnya di Malaysia (Chin, 1993; Ong, 1990; Farid et. al., 1987).

2.2.1 Kajian Noor Azlina

Kajian penukaran kod yang dijalankan oleh Noor Azlina (1975) merupakan kajian terawal yang melibatkan penukaran bahasa Melayu-Inggeris. Ketika di England beliau telah menjadikan pelajar Melayu yang menuntut di Universiti Hull dan Universiti Lancaster sebagai informan berserta seorang tetamu dari Malaysia yang berkunjung ke sana. Tumpuan kajian beliau banyak berkisar pada faktor motivasi sosial serta fungsi penukaran kod. Oleh itu, faktor-faktor sosiolinguistik seperti: (i) topik perbualan; (ii) latar atau tempat perbualan berlaku; (iii) peserta; dan (iv) hubungan peranan di antara penutur dengan orang yang berinteraksi dengannya telah dikaji (Ong, 1990: 36-39; Chin, 1993: 27).

Dalam kajiannya itu, Noor Azlina (1975) telah mendapati bahawa tujuan informan menukar kod adalah ditentukan oleh faktor persahabatan dan keakraban perhubungan. Gaya bahasa yang digunakan ketika berinteraksi didapati bersahaja dan kurang mementingkan status. Sebagai contoh, beliau telah mengemukakan

penggunaan gantinama Inggeris “I” dan “You” yang digunakan secara meluas di kalangan informan ketika berbahasa Melayu. Kedua-dua leksem tersebut digunakan sebagai rujukan yang bersifat *neutral* atau berkecuali, iaitu tidak membawa apa-apa konotasi penghormatan atau perbezaan status (Chin, 1993: 36) di antara penutur dengan pendengar. Selain daripada peserta dan faktor hubungan, peristiwa bahasa juga mempengaruhi penukaran kod. Penutur dwibahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan penyapaan, memperkenalkan diri, membuat jemputan, ucapan selamat tinggal atau ketika berbicara tentang masakan asal. Sebaliknya, bahasa Inggeris digunakan untuk hal-hal akademik. Dalam perkataan lain, bahasa Melayu digunakan untuk mencerminkan identiti kaum dan emosi peribadi penutur.

Faktor latar atau tempat juga turut mempengaruhi penukaran kod. Noor Azlina mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu secara berselang dengan bahasa Inggeris terbatas kepada situasi informal. Sehubungan itu, Noor Azlina (1975) telah menjelaskan sebab kenapa informan dalam kajiannya menukar kod kepada bahasa Inggeris. Di antaranya ialah: (i) ketiadaan padanan perkataan dalam bahasa Melayu; (ii) ketidakupayaan bahasa Melayu untuk mendukung konsep-konsep tertentu seperti dalam bidang teknologi, pendidikan dan profesi; (iii) penukaran tajuk perbualan; (iv) penjimatan dalam penggunaan perkataan; dan (v) pengelakan penggunaan perkataan yang kurang sopan (Ong, 1990: 37-39).

Dapatan kajian Noor Azlina adalah seperti yang dijangkakan kerana interaksi itu berlaku dalam latar atau situasi tidak formal. Oleh itu, bahasa yang bersahaja, bercampur kod dan kurang baku seperti yang digunakan oleh inform kajian tersebut adalah bukan ciri bahasa formal. Ini adalah kerana bagi mana-mana interaksi formal,

ia memerlukan penggunaan bahasa yang mantap dan baku atau variasi bahasa tinggi (Appel dan Muysken, 1987: 24). Dari segi kerangka kerja teoritis (*theoretical framework*), fungsi perbualan yang dikaji oleh Noor Azlina adalah berdasarkan yang dikemukakan oleh Rayfield (1970) dan ini didapati bersesuaian dengan kajian penyelidik.

2.2.2 Kajian Siti Hanim

Siti Hanim (1986) juga telah membuat kajiannya semasa menuntut di Universiti Durham, England. Korpus kajiannya adalah dalam bentuk wacana penulisan. Beliau telah menggunakan sepuluh pucuk surat yang diterimanya semasa berutusan dengan tiga orang rakan kenalannya dari Malaysia. Kajian beliau meliputi dua bahagian utama. Selain daripada menguji hipotesisnya tentang fungsi bahasa, beliau juga telah mengkaji fungsi penukaran kod berdasarkan kerangka teoritis yang dipelopori Gumperz (1977).

Dalam kajiannya, Siti Hanim mendapati bahawa bahasa Melayu digunakan untuk hal-hal yang berkaitan dengan nilai kebenaran. Manakala itu bahasa Inggeris pula digunakan sebagai penyampai wacana yang bukan tentang nilai kebenaran. Siti Hanim (1986) telah mengemukakan beberapa contoh. Antaranya ialah “I guess TENTU TENGAH DOK winter” seperti mana yang dipetik oleh Ong (1990: 40). Ungkapan “I guess” bermaksud “ Saya tidak tahu, Saya tidak ada maklumat mengenainya” mempunyai nilai kebenaran. Ungkapan yang mengikutinya “TENTU TENGAH DOK winter” adalah benar jika ia benar-benar berlaku pada tengah-tengah musim sejuk. Selain itu, Siti Hanim juga telah mengenal pasti beberapa sebab yang mencetuskan penukaran kod. Antaranya ialah: (i) keinginan untuk merahsiakan

maksud sesuatu mesej daripada diketahui oleh orang lain; dan (ii) untuk melahirkan emosi penutur secara peribadi.

Dapatan kajian Siti Hanim (1986) adalah konsisten dengan latar kajiannya, khasnya bahagian tentang fungsi sosial penukaran kod. Kebanyakan surat yang diterimanya adalah tentang kisah peribadi kawan-kawan sebayanya di Malaysia. Kisah-kisah percintaan adalah sebahagian daripada isi kandungan surat-surat tersebut (Ong, 1990: 40). Oleh itu, adalah biasa bagi anak-anak muda Melayu yang berkebolehan bertutur bahasa Inggeris untuk menukar kod kepada bahasa asing itu supaya tidak diketahui oleh pihak yang tidak memahami bahasa tersebut. Bahasa Melayu lebih senang digunakan untuk melahirkan perasaan peribadi memandangkan bahasa itu adalah bahasa pertama kawan-kawan Siti Hanim.

2.2.3 Kajian Farid et. al.

Kajian Farid dan rakan-rakan penyelidiknya (1987) ini agak berlainan daripada kajian lain yang dibuat dalam konteks Malaysia dari segi latar. Jika kebanyakan kajian telah dijalankan di kawasan bandar (Noor Azlina, 1975; Siti Hanim, 1986; Ong, 1990; Chin, 1993), kajian oleh Farid dan rakan-rakannya pula telah dijalankan di kawasan luar bandar, iaitu di sebuah kampung di Kedah yang terletak di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Lokasi yang berdekatan dengan wilayah Thailand telah menyebabkan penduduk di perkampungan tersebut mudah bergerak dan bergaul dengan masyarakat Thailand. Akibat daripada proses sosiolisasi itu, mereka dapat menguasai beberapa variasi dialek Thai selain daripada bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Melayu.

Kajian Farid dan rakan-rakannya menunjukkan amalan menukar kod di kalangan penutur dwibahasa di perkampungan tersebut adalah fenomena linguistik secara semula jadi dan terdapatnya beberapa faktor penting yang mencetuskannya. Farid dan rakan-rakannya telah menyenaraikan beberapa angkubah seperti: (i) umur; (ii) gender; (iii) tahap pendidikan; (iv) status dalam keluarga; dan (v) lokasi interaksi berlaku. Secara amnya, terdapat dua hasil kajian yang menarik. Pertama, kaum lelaki yang berusia antara 20 hingga 39 tahun didapati paling banyak menukar kod kerana golongan ini merupakan kumpulan yang sering mengunjungi bandar-bandar di selatan Thailand untuk bermiaga; dan kedua ialah penukaran kod tidak terdapat dalam interaksi berbentuk rasmi, seperti dalam mesyuarat ketua kampung dan acara keagamaan.

Nampaknya, kajian Farid dan rakan-rakannya ini sekaligus menidakkan anggapan umum bahawa fenomena penukaran kod adalah gejala linguistik yang terbatas kepada penduduk bandar sahaja di Malaysia (Chin, 1993: 28). Kumpulan penyelidik tersebut telah membuktikan bahawa amalan menukar kod boleh juga berlaku di kawasan luar bandar. Apa yang penting ialah bukannya lokasi, iaitu sama ada di bandar atau luar bandar. Sebaliknya, faktor interaksi sosial di kalangan penutur yang berlainan bahasa perlulah diambil kira untuk menentukan tercetusnya penukaran kod. Ini adalah kerana faktor interaksi sosial itu boleh menyebabkan berlakunya penyatuan dwibahasa yang turut menyumbang kepada fenomena penukaran kod (Appel dan Muysken, 1987: 125).

2.2.4 Kajian Ong

Kajian Ong (1990) tentang penukaran kod di kalangan pelajar Melayu tingkatan empat di Kuala Lumpur pada amnya memberi tumpuan kepada aspek sosiolinguistik. Secara khusus, ia mengkaji fungsi penukaran kod berdasarkan model yang pernah dikemukakan oleh Gumperz (1982), Poplack (1988), Kachru (1983), dan Rayfield (1970). Berdasarkan model fungsi perbualan itu, Ong ingin mentafsirkan makna sosial penukaran kod. Aspek kekerapan, peringkat dan arah penukaran kod juga dianalisis untuk menentukan sama ada ia mempengaruhi pemilihan bahasa subjek (Ong, 1990: iii).

Daripada analisisnya, Ong mendapati bahawa hubungan peranan dan tanggungjawab, peserta, topik, hajat dan kesan, berserta nilai dan emosi amat penting untuk mencetuskan penukaran kod. Bagi Ong, semua fungsi perbualan yang dikenal pastinya telah digunakan secara sengaja untuk tujuan komunikasi. Analisis kajian juga menunjukkan terdapatnya kolerasi atau perkaitan di antara tahap kecekapan berbahasa subjek dengan amalan penukaran kod. Didapati pelajar yang kurang menguasai bahasa Inggeris cenderung untuk menukar kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia semata-mata untuk tujuan kelancaran dan kesinambungan perbualan (Ong, 1990: 131). Manakala itu, bagi kumpulan yang tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka tinggi, penukaran kod dilakukan sebagai alat retorik, iaitu untuk mencapai kesan tertentu yang diingini.

Pada asasnya, Ong adalah lebih tertarik untuk menyelidiki aspek sosiolinguistik penukaran kod walaupun aspek linguistik juga turut mendapat ruang dalam kajiannya. Berdasarkan beberapa fungsi perbualan yang dikenal pasti, beliau telah

menggunakan kaedah penganalisisan wacana untuk menganalisis rakaman perbualan yang berlaku dalam suasana semula jadi. Sesungguhnya, di sinilah terletaknya kerelevan kajian Ong dengan kajian ini. Selain itu, ia juga merupakan satu lagi usaha oleh segelintir penyelidik tempatan untuk cuba memahami fenomena penukaran kod dalam konteks masyarakat berbilang bahasa di Malaysia.

2.2.5 Kajian Chin

Seperti juga Ong, Chin (1993) telah menjalankan kajiannya di kalangan penutur dwibahasa Melayu yang bermastautin di sekitar Kuala Lumpur. Cuma yang membezakannya ialah subjek kajian Chin terdiri daripada kakitangan kerajaan yang berkelulusan universiti (Chin, 1993: 30). Maknanya, subjek kajian Chin mempunyai keupayaan berbahasa yang lebih tinggi berbanding dengan subjek kajian Ong (1990) yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah sahaja.

Data kajian Chin diperoleh daripada rakaman perbualan secara semula jadi di antara subjek dan rakan-rakan, termasuk juga rakan sepejabat. Selepas ditranskripsikan, data dikelompokkan mengikut topik perbualan dan bahasa matrik. Setiap data yang dianalisis dianggap sebagai suatu wacana yang lengkap untuk membolehkan tafsiran dibuat mengikut konteks penggunaan bahasa (Chin, 1993: 32).

Melalui kajiannya, Chin cuba menghuraikan fenomena penukaran kod dari dua perspektif, iaitu sosiolinguistik dan linguistik. Data dianalisis mengikut model fungsi perbualan untuk cuba mentafsir makna sosial penukaran kod (Chin, 1993: iv). Model Gumperz (1982) telah dijadikan kerangka utama selain fungsi perbualan lain yang dikemukakan oleh Poplack (1988), Kachru (1983), dan Rayfield (1970). Di

samping itu, pola penukaran kod juga dibandingkan di antara bahasa Melayu dan Inggeris ketika salah satu daripada bahasa itu digunakan sebagai bahasa matrik. Ini bertujuan untuk menentukan sama ada penggunaan bahasa matrik yang berlainan mempengaruhi sistem nahu, terutamanya konstituen ayat penukaran kod.

Daripada kajiannya, Chin mendapati bahawa pola penukaran kod agak berbeza apabila bahasa Melayu dan Inggeris digunakan sebagai bahasa matrik. Bahasa Melayu didapati lebih “bertoleransi” daripada bahasa Inggeris kerana didapati dua pertiga daripada penukaran kod dilakukan dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Sebab yang diberikan oleh Chin ialah sikap penutur dwibahasa Melayu yang menganggap bahasa Inggeris lebih “berprestij” (Chin, 1993: vii).

2.3 Kajian Penukaran Kod Dalam Konteks Bukan Malaysia

Semenjak tiga dekad yang lepas, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan tentang penukaran kod. Para sarjana seperti Weinreich (1953), Ferguson (1960), Gumperz (1967), Steward (1968), Clyne (1969) dan Hasselmo (1970) telah menjadikan masyarakat dwibahasa dan berbilang bahasa sebagai tumpuan kajian mereka. Trenda itu diteruskan oleh penyelidik-penyalidik yang terkemudian, termasuklah apa yang cuba dilakukan dalam kajian ini. Antara kajian yang akan dibincangkan di sini ialah kajian Rubin (1962); Rayfield (1970); Gumperz (1967; 1972; 1976/1977; 1982); Kachru (1978; 1983); Marasigan (1983); Kumar (1985); Poplack (1980; 1982; 1988); Kamwangamalu (1989); dan Myers-Scotton (1993a). Selain itu, kajian oleh Pascasio (1978); dan Fatimah Awang Chuchu (2001) yang pernah dibuat di rantau ini juga turut dibincangkan kerana mempunyai kaitan pendekatan dan perspektif dengan kajian ini.

2.3.1 Kajian Rubin

Kajian Rubin (1962; 1969b) adalah di antara kajian penukaran kod yang telah dilakukan sebelum tahun 1970-an. Oleh itu ia boleh dikatakan antara kajian yang terawal. Beliau telah menjalankan kajiannya di Paraguay. Dalam kajiannya tentang pemilihan bahasa antara Guarani dan Sepanyol, Rubin telah merumuskan bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti lokasi, gaya wacana, darjah keakraban dan perhubungan rasmi. Beliau menjelaskan bahawa melalui pilihan menggunakan sesuatu bahasa, maka dapatlah diketahui bahasa pertama penutur dan kod yang menjadi pilihannya, di samping dapat mengetahui keupayaan berbahasa orang yang dilawan cakap. Oleh itu, Rubin berpendapat bahawa dalam masyarakat pelbagai bahasa atau *multilingual* seperti di Paraguay, amalan menukar kod adalah serupa dengan apa yang berlaku di kalangan masyarakat ekabahasa.

2.3.2 Kajian Rayfield

Selain Rubin, Rayfield (1970) juga telah menjalankan kajian yang lebih awal. Dalam kajiannya, Rayfield telah mendapati kegunaan penukaran kod sebagai alat retorik bahasa. Penukaran digunakan untuk menekankan makna atau untuk menghasilkan kesan dramatik sesuatu ujaran. Beliau telah menggariskan lima fungsi penukaran kod, iaitu: (i) untuk membezakan klausa dua bahasa yang digunakan; (ii) untuk menjelaskan semula maksud sesuatu ujaran yang mungkin tidak dijangka oleh si pendengar; (iii) untuk mengelakkan penyebutan sesuatu yang mungkin kurang disenangi jika disebut dalam bahasa pendengar; (iv) untuk membuat penekanan tentang sesuatu perkara dengan mengulangnya dalam dua bahasa yang berlainan; dan

- (v) untuk membuat komen yang berbentuk penjelasan atau untuk menukar topik perbualan.

2.3.3 Kajian Gumperz

Blom dan Gumperz (1964) telah menjalankan kajian tentang penukaran kod di kalangan masyarakat nelayan Hemnesberget di Norway. Walaupun topik kajian itu kemudiannya diperkenalkan oleh Gumperz dan Hernandez-Chavez pada 1970, tetapi usaha oleh Blom dan Gumperz yang dilakukan pada tahun 1972 telah mendapat publisiti yang meluas. Ini adalah kerana hasil usaha mereka itu telah dimasukkan dalam koleksi suntingan Gumperz dan Hymes (1972) yang telah dijadikan buku teks pengajian sosiolinguistik di universiti-universiti dalam tahun 1970-an (MacSwan, 1999: 50).

Dalam usaha awalnya, Gumperz (1967/1972) telah mengklasifikasikan penukaran kod kepada dua jenis, iaitu: (i) penukaran situasi (*situational switching*); dan (ii) penukaran topik (*metaphorical switching*). Kemudian dalam kajianya pada tahun 1982, Gumperz telah menambahkan lagi satu istilah untuk menggolongkan jenis penukaran, iaitu “*conversational*”. Penukaran jenis pertama itu adalah merujuk kepada keadaan di mana seseorang menukar bahasa atau kod mengikut situasi-situasi tertentu, seperti situasi keagamaan atau upacara kebudayaan. Oleh itu penukaran jenis ini agak mudah untuk dikenal pasti (Wardhaugh, 1992: 103) dan ia dilafazkan secara spontan dan tidak disedari. Sementara itu, penukaran jenis yang kedua pula merupakan suatu strategi komunikasi seseorang penutur dwibahasa. Tajuk atau topik perbualan sengaja ditukarkan dengan harapan mesej yang disampaikan itu dapat difahami sebagaimana ia dikehendaki oleh penutur:

Rather than claiming that speakers use language in response to a fixed predetermined set of prescriptions, it seems more reasonable to assume that they build on their own and their audiences' abstract understanding of situational norms, to communicate metaphoric information about how they intend their words to be understood.

(Gumperz, 1982: 61)

2.3.3.1 *Fungsi perbualan Gumperz*

Berdasarkan kajiannya yang melibatkan beberapa pasangan bahasa seperti bahasa Sepanyol-Inggeris, Hindi-Inggeris dan Slovenia-Jerman, Gumperz (1982) telah menghasilkan satu model fungsi perbualan yang pada hemat penyelidik amat berpengaruh dalam membentuk kerangka teoritis kajian seumpamanya oleh pengkaji-pengkaji seterusnya. Dalam model itu, Gumperz telah menggariskan enam fungsi utama perbualan, iaitu: (i) petikan percakapan; (ii) rujukan khusus kepada pendengar; (iii) pengulangan; (iv) bersifat peribadi lawan umum; (v) interjeksi; dan (vi) penentuan mesej. Kesemua fungsi itu dihuraikan secara ringkas seperti berikut:

A. *Petikan percakapan*

Menurut Gumperz, strategi memetik percakapan (*quotation*) digunakan untuk membezakan ujaran berbentuk cakap pindah daripada ujaran cakap ajuk. Dalam banyak situasi perbualan, penutur kadang-kadang menukar kod kepada bahasa asal yang digunakan dalam percakapan yang diajuknya. Ong (1990: 56), dalam percubaannya untuk menjelaskan fungsi perbualan ini telah mengemukakan contoh: “*Bus conductor he asked ‘Hey... you all ada band? Aku cakap tak ada’*”. Dalam contoh itu, penutur telah memetik semula secara *verbatim* kata demi kata ujaran konduktor bas. Dengan berbuat demikian, penutur bukan sahaja kedengaran lebih

meyakinkan, bahkan apa yang dipetiknya itu kemungkinan besar merupakan suatu kenyataan. Dengan itu, pendengar lebih mudah untuk mempercayainya.

B. Rujukan khusus pendengar

Fungsi rujukan khusus pendengar (*addressee specification*) ini pada asasnya digunakan sebagai satu akomodasi sosial di kalangan penutur ekabahasa dan juga dwibahasa. Ia digunakan sebagai rujukan khusus kepada orang yang dilawan cakap atau pendengar untuk menarik perhatiannya supaya melibatkan diri dalam sesuatu perbualan. Ini dilakukan dengan menghalakan sesuatu mesej secara terus kepada pendengar. Umpamanya, dalam usaha Ong (1990) untuk menerangkan fungsi perbualan Gumperz tersebut, beliau telah mengetengahkan contoh: “*Hey!* Belum masa lagi macam mana nak P.J.?” (Ong, 1990: 59). Perkataan “*hey*” telah dilafazkan oleh penutur secara terus kepada orang yang dia hendak sampaikan mesej. Ia juga digunakan sebagai satu strategi komunikasi untuk tidak melibatkan orang ketiga dalam sesuatu perbualan.

C. Pengulangan

Pengulangan sesuatu mesej (*repetition*) perlu dilakukan dalam kod atau bahasa yang berlainan supaya lebih jelas atau untuk memberi penekanan semula. Mesej yang diulang itu mungkin secara tersurat atau dipinda. Gumperz (1982: 78) seperitimana yang dipetik oleh Chin (1993: 18) memberikan contoh ujaran seorang ibu Puerto Rico kepada anaknya: *VEN ACA (come here), VEN ACA. Come here, you.* Dalam contoh ini, penutur tersebut mengulang mesejnya dalam dua bahasa yang berlainan

supaya bukan sahaja ingin didengar tetapi juga untuk membuat penekanan atau penegasan.

D. *Penyataan bersifat peribadi lawan umum*

Gumperz (1982) yang dipetik Ong (1990) telah mengemukakan beberapa contoh atau situasi untuk menjelaskan penyataan yang bersifat peribadi (*personalization*) lawan penyataan umum yang berbentuk fakta atau objektif (*objectivization*). Antaranya ialah: (i) membezakan percakapan tentang sesuatu tindakan (*talk about action*) dan percakapan sebagai tindakan (*talk as action*); (ii) situasi menunjukkan darjah penglibatan penutur; dan (iii) situasi yang boleh menentukan sama ada sesuatu penyataan atau mesej itu berupa pendapat peribadi atau penyataan umum. Dalam perkataan lain, penukaran berbentuk pertentangan ini digunakan untuk menunjukkan darjah penglibatan penutur melalui ujaran yang dilafazkannya. Contohnya, dalam satu penerangan yang berkaitan, Ong (1990: 68) telah mengemukakan contoh: “*Well, it's obvious he likes you.* Boleh nampak *that he* syok dengan *you*”. Melalui ujaran itu, penutur telah menyuarakan hakikat yang diketahui ramai (sekurang-kurangnya di kalangan rakan taulan), iaitu “ *that the boy likes her friend*”. Pandangan peribadinya telah dinyatakan dalam ujaran Melayu-Inggeris apabila dia terus mengatakan “Boleh nampak *that he* syok dengan *you*”.

E. *Interjeksi*

Fungsi interjeksi (*interjection*) ini merujuk kepada penggunaan penukaran kod sebagai pengisi ayat (*sentence filler*) untuk melahirkan emosi yang kuat atau perasaan yang jujur (*candid feelings*) terhadap sesuatu yang diketahui atau didengar.

Ia merupakan perkataan daripada bahasa lain yang diletakkan pada bahagian awal sesuatu ayat, seperti dalam contoh Moari-Inggeris: “*ENGARI (So), now we turn to more important matters*” (Holmes, 2001: 35) (Terjemahan: Jadi, sekarang kita boleh beralih kepada perkara yang lebih mustahak). Oleh itu, Romaine (1989: 112) menganggap interjeksi sama dengan *tag-switch*, seperti mana Poplack (1980) mengenalinya sebagai *emblematic switching* (Appel dan Muysken, 1987: 118).

F. Penentuan Mesej

Fungsi penentuan mesej (*message qualification*) ini digunakan untuk membezakan topik daripada komen yang terdapat dalam sesuatu wacana. Romaine (1989: 149) menjelaskan bahawa sesuatu topik mungkin diperkenalkan dalam suatu bahasa dan diulas atau diberi komen dalam bahasa yang lain pula. Dalam usaha untuk mengupas fungsi perbualan ini, Ong (1990: 65) telah memuatkan contoh: “Kak Ida, *my brother* punya *girlfriend...*”. Dalam contoh itu, penutur telah memperkenalkan suatu perkara, iaitu “Kak Ida” dalam bahasa Melayu dan seterusnya memberitahu siapakah orang itu dalam kod yang berlainan. Tujuannya adalah untuk penegasan supaya mesej yang disampaikan itu lebih mudah difahami.

Sehubungan dengan fungsi perbualan yang dicadangkannya, Gumperz (1982) telah menjelaskan betapa pentingnya untuk mengambil kira faktor seperti topik perbualan, penutur dan pendengar untuk menentukan sebab dan atau motivasi sosial yang mencetuskan penukaran kod di kalangan penutur dwibahasa, seperti yang dikutip oleh Chin (1993, 34):

“Gumperz (1982) explains that in any particular instance of code-switching, speakers deduce what is communicated by an information processing procedure which takes account of the speaker, the addressee and the topic.”

Model fungsi perbualan Gumperz telah mendapat perhatian beberapa pengkaji dan sekorannya model itu telah diubahsuai dan dikemaskinikan semenjak tahun 1970-an (contoh: Scotton 1979; Valdes 1981; Heller 1982; McClure dan McClure 1988). Hasilnya, beberapa perkara baru telah dimasukkan sebagai tambahan untuk cuba menjelaskan penukaran kod. Umpamanya, Valdes (1981) mencadangkan tambahan dua lagi fungsi perbualan, iaitu pengurangan kesan ujaran dan penambahan kesan ujaran.

Bagaimanapun menjelang tahun 1980-an, fokus kajian oleh beberapa orang ahli sosiolinguistik telah mula menunjukkan aliran perubahan. Kalau dalam era 1970-an fokus kajian adalah tentang fungsi penukaran kod semata-mata, maka dalam tahun 1980-an ahli sosiolinguistik telah mula mengkaji fenomena bahasa itu secara lebih menyeluruh. Variasi faktor sosial dan kedinamisan interaksi telah dijadikan sebagai kerangka kerja teoritis untuk lebih memahami proses penukaran kod. Pendek kata, terdapat penambahan faktor yang diketengahkan untuk menjelas dan menghuraikan fenomena penukaran kod di kalangan penutur dwibahasa atau berbilang bahasa.

2.3.4 Kajian Kachru

Dalam kajiannya yang melibatkan masyarakat dwibahasa dan berbilang bahasa di India, Kachru (1978a; 1983) telah mengenal pasti empat motivasi sosial yang boleh menyebabkan orang India menukar kod. Pertama, penukaran kod dilakukan sebagai cara untuk mengetahui laras wacana melalui penggunaan leksem-leksem tertentu. Sebagai contoh, laras bahasa pentadbiran, politik dan teknologi mudah dikenal pasti melalui penukaran dari bahasa Hindi ke Inggeris. Bagi laras perundangan, ia boleh diketahui melalui penukaran ke bahasa Parsi. Kedua, penukaran kod dilakukan

untuk gaya bahasa. Di India terdapat gaya bahasa yang disebut Kachru sebagai “Sanskritized”, “Persianized” dan Englishized”. Ketiga, penukaran kod dilakukan untuk tujuan membuat penjelasan (sama dengan penggulangan yang dikemukakan oleh Gumperz, 1982). Penggulangan dalam dua bahasa yang berlainan dalam wacana yang sama dilakukan untuk menjelaskan sesuatu konsep atau istilah supaya ketaksaan dan kecaburan makna dapat dielakkan. Akhir sekali, penukaran kod dilakukan untuk menunjukkan sikap atau pendirian berkecuali dalam sesuatu perkara melalui penggunaan leksem yang neutral. Umpamanya, mencampurkan bahasa Inggeris dengan Tamil boleh menyembunyikan identiti sosial dan tempat asal seseorang (Annamalai, 1978: 242).

Sebagai kesimpulannya, Kachru (1983) mengaitkan penukaran kod di kalangan penutur dwibahasa dengan identifikasi peranan yang dimainkan, seperti seseorang yang berpendidikan tinggi, sofistikated, orang bandar dan sebagainya. Selain itu, penukaran kod juga digunakan untuk tujuan memberi penjelasan atau penerangan, di samping untuk membuat tafsiran mengenai sesuatu serta sebagai cara untuk mengenal pasti laras bahasa sesuatu wacana.

2.3.5 Kajian Marasigan

Kajian yang dibuat oleh Marasigan (1983) tentang penukaran kod di Filipina, nampaknya juga berdasarkan model fungsi perbualan yang dicadangkan oleh Gumperz (1982). Dapatan kajian Marasigan menunjukkan yang penutur dwibahasa di Filipina mengamalkan penukaran kod untuk tujuan: (i) ajukan; (ii) rujukan khusus kepada pendengar; (iii) pengulangan; (iv) peribadi lawan objektif; (v) interjeksi; dan (vi) penentuan kandungan. Beberapa faktor seperti peserta perbualan, hubungan

tanggungjawab, topik, latar, intensi dan kesan, sikap, nilai, emosi peribadi serta kehadiran orang yang dilawan cakap memainkan peranan penting dalam menentukan penukaran kod.

2.3.6 Kajian Kumar

Satu lagi kajian yang menarik tentang penukaran kod ialah kajian Kumar (1985). Beliau telah menyelidiki wacana sains yang menggunakan bahasa Hindi-Inggeris di kalangan pelajar ijazah pertama di India. Hasil kajian mendapati bahawa peratusan penggunaan perkataan bahasa Inggeris amat tinggi dalam interaksi subjeknya. Ekoran itu, Kumar merumuskan bahawa penukaran kod seumpama itu merupakan ciri-ciri biasa yang terdapat dalam wacana saintifik di kalangan pelajar India.

2.3.7 Kajian Poplack

Poplack sekitar tahun 1980-an, telah menjalankan beberapa siri kajian penukaran kod antara bahasa Sepanyol dengan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat Puerto Rico di New York dan bahasa Perancis-Inggeris di kalangan masyarakat Ottawa-Hull, Kanada. Poplack menegaskan betapa perlunya untuk membezakan tingkah laku bahasa individu daripada bahasa komuniti. Pendapat beliau ini diasaskan pada fahaman bahawa tingkah laku bahasa seseorang individu hanya boleh difahami setelah tingkah laku bahasa komuniti diketahui terlebih dahulu. Dalam erti kata lain, tingkah laku bahasa komuniti merupakan latar belakang kepada pemahaman tentang tingkah laku bahasa individu. Maka cara yang terbaik untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod ialah melalui kajian sistematik

tentang bahasa yang digunakan oleh komuniti dwibahasa itu (Poplack, 1982: 216-217):

"Thus, the study based on bilingual informants in isolation from patterns of community use is simply not considered relevant evidence for the existence of established norms of bilingual behaviour."

Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya pola penukaran kod yang berbeza di antara masyarakat Puerto Rico di New York dengan kumpulan masyarakat Ottawa-Hull di Kanada. Sikap yang berbeza terhadap amalan penukaran kod serta peranan yang dimainkannya dalam identiti penutur nampaknya terdapat dalam kedua-dua komuniti bahasa tersebut. Masyarakat Puerto Rico di New York didapati mempunyai sikap yang lebih positif terhadap bilingualisme. Hampir semua kes penukaran kod yang dikaji (97%) begitu lancar dalam penggunaan Sepanyol-Inggeris. Oleh itu, Poplack (1988) menganggapnya sebagai fitur penting dalam keupayaan berbahasa masyarakat Puerto Rico. Malah ia dianggap sebagai satu cara berinteraksi, sama seperti penggunaan satu bahasa di kalangan masyarakat ekabahasa (Poplack, 1988: 217-218).

Pendapat Poplack tentang keupayaan berbahasa masyarakat Puerto Rico di atas adalah berdasarkan beberapa penemuannya. Pertama, beliau mendapati bahawa masyarakat Puerto Rico begitu lancar ketika melakukan penukaran kod di antara bahasa Sepanyol dan Inggeris. Mereka tidak teragak-agak atau terhenti-henti. Kedua, mereka juga tidak menyedari yang mereka menukar kod. Ketiga, leksem yang ditukar bahasa tidak disusuli dengan komen-komen berupa metalinguistik dan bahagian ayat yang bersebelahan tidak diulang dalam bahasa yang berlainan. Akhir sekali, unsur penukaran kod melibatkan binaan atau konstituen ayat yang lebih besar

dan tidak terbatas kepada sisipan satu kata nama daripada bahasa lain sahaja. Bertitik tolak daripada itu, Poplack membuat kesimpulan bahawa tingkah laku bahasa yang terdapat di kalangan penutur dwibahasa masyarakat Puerto Rico itu sebagai menggambarkan penukaran kod yang sebenar (Poplack, 1988: 230).

Namun penukaran kod yang dianggap Poplack sebagai “*the true code-switching*” yang sinonim dengan masyarakat Puerto Rico tidak sebegitu halnya dengan masyarakat Ottawa-Hull walaupun kedua-dua masyarakat itu mempunyai banyak persamaan, termasuk cara berinteraksi dan situasi menggunakan dwibahasa. Di kalangan masyarakat Ottawa-Hull pengetahuan berbahasa Inggeris kurang dikaitkan dengan soal identiti, tidak seperti di kalangan masyarakat Puerto Rico di New York. Poplack mengaitkan perbezaan sikap menggunakan bahasa Inggeris itu dengan faktor sosial, politik dan sejarah yang berlainan di antara dua masyarakat tersebut.

Dalam analisisnya tentang penggunaan penukaran kod di kalangan penutur Perancis-Inggeris di Ottawa dan Hull, Poplack telah mendapati mereka mengamalkannya untuk tujuan yang berbeza. Di Ottawa, menukar kod kepada bahasa Inggeris dianggap sebagai satu cara yang terbaik untuk menyatakan sesuatu, di samping membezakannya daripada bahasa Perancis. Sebaliknya, di Hull penukaran kod kepada bahasa Inggeris hanya dilakukan untuk komen-komen yang bersifat metalinguistik sahaja. Ini bermakna masyarakat Hull sedar yang mereka mengamalkan penukaran kod (Poplack, 1988: 223). Pendek kata, Poplack telah mengenal pasti beberapa fungsi penukaran kod berdasarkan kajiannya di Ottawa-Hull, Kanada. Beliau mendapati penutur menukar kod kerana dengan berbuat demikian ujaran menjadi lebih ringkas dan padat, serta lebih dramatik lagi.

Penukaran kod juga berlaku apabila penutur terlibat dalam perbincangan bahasa atau memberi komen berbentuk metalinguistik. Selain itu, penukaran juga digunakan untuk menjelas dan menyatakan sesuatu dalam bahasa lain. Ia juga digunakan untuk menampung kekurangan leksikal sesuatu bahasa.

Daripada kajian Poplack, bolehlah disimpulkan bahawa amalan menukar kod agak berbeza di antara dua masyarakat dwibahasa. Perbezaan ini bukan sahaja terletak pada sikap, malah kegunaan atau fungsinya yang berkait rapat dengan faktor sejarah, sosial, dan politik. Hakikat ini dapat diperhatikan apabila masyarakat Puerto Rico tidak menyedari yang mereka menukar kod kerana amalan itu begitu sebatи dengan cara mereka berinteraksi antara satu sama lain. Sebaliknya, masyarakat Hull menggunakan penukaran kod secara sengaja sebagai strategi komunikasi untuk mendatangkan kesan tertentu. Jenis penukaran seperti ini dianggap Poplack sebagai bukan penukaran kod yang sebenar (Poplack, 1988: 230). Ini selari dengan pendapat beliau bahawa penukaran kod harus berlaku secara tidak disedari, dan bukannya dirancang terlebih dahulu atau dicetuskan secara sengaja.

2.3.8 *Kajian Kamwangamalu*

Jika Poplack (1988) menjadikan tingkah laku bahasa komuniti sebagai latar belakang untuk memahami tingkah laku bahasa individu, pengkaji lain pula memberikan fokus yang berlainan dalam kajian mereka. Kamwangamalu (1989) umpamanya, telah menjadikan aspek motivasi sosial sebagai tumpuan kajian penukaran kod. Kamwangamalu telah menjalankan kajiannya di Tanzania.

Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa amalan menukar kod di antara bahasa vernakular Tanzania dengan bahasa Inggeris adalah untuk tujuan modenisasi dan akomodasi sosial. Bercakap dalam bahasa Inggeris di khalayak ramai dianggap sebagai menunjuk lagak, tetapi jika bercakap dalam bahasa vernakular Tanzania dianggap pula sebagai kolot. Maka untuk mengelakkan diri daripada dilabel sedemikian, orang Tanzania cenderung untuk mencampurkan bahasa Inggeris dengan bahasa vernakular Tanzania. Dengan berbuat demikian, mereka menganggap diri mereka sebagai moden dan dapat diterima oleh masyarakat sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat berkenaan (Kamwangamalu, 1989: 322).

2.3.9 Kajian Myers-Scotton

Kajian yang dibuat oleh Myers-Scotton (1983; 1993a) merupakan satu lagi usaha untuk membina model yang boleh menjelaskan fenomena penukaran kod. Dengan menggunakan data kajian yang dijalankan di wilayah Timur Afrika yang melibatkan bahasa Swahili-Inggeris-Kikuyu, Myers-Scotton menjadikan aspek motivasi sosial sebagai asas untuk membina model penukaran kod yang dinamakannya sebagai *Markedness Model*.

Dalam banyak aspek, pengaruh Gumperz boleh dilihat dalam perkembangan model Myers-Scotton (MacSwan, 1999: 51). Model itu menyarankan penutur mempunyai “perasaan” tentang bahasa yang sesuai digunakan dalam sebarang interaksi sosial berdasarkan persona dan atau perhubungan (Myers-Scotton, 1993a: 75). Setelah meneliti transkripsi perbualan bahasa Swahili-Inggeris-Kikuyu di kalangan pengunjung tempat letak kereta di bandar Nairobi, Myers-Scotton (1993a: 76-79)

merumuskan bahawa Swahili merupakan bahasa pilihan utama (*unmarked choice*) yang digunakan untuk berinteraksi di tempat-tempat awam yang seumpama itu.

Berasaskan prinsip kerjasama yang dipelopori oleh Grice pada tahun 1975, Myers-Scotton (1993a: 113) telah menghasilkan prinsip rundingan (*negotiation principle*) di antara penutur dengan pihak yang dilawan cakap. Perkara yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab menjadi faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum memilih bentuk bahasa yang hendak digunakan semasa berinteraksi:

“Choose the form of your conversation contribution such that it indexes the set of rights and obligations [the RO set] which you wish to be in force between speakers and addressee for the current exchange.”

(Scotton, 1993a: 113)

Myers-Scotton berpendirian bahawa hak dan tanggungjawab (*right and obligation*) boleh ditentukan melalui rundingan. Pemilihan bentuk bahasa yang berlainan boleh menggambarkan kehendak yang berbeza dalam sesuatu perhubungan sosial. Untuk interaksi formal, penutur menggunakan kod atau bahasa utama (*unmarked choices*) untuk menyatakan hak dan tanggungjawab, sementara perbualan di antara rakan sebaya dilakukan dalam bahasa bukan utama atau *the marked choice*. Oleh itu, tanggapan tentang seseorang individu boleh dibuat berdasarkan cara percakapannya, dan bentuk bahasa yang dipilihnya pula mencerminkan hubungan sosial yang dijalankan (MacSwan, 1999: 52).

Dapatan kajian Myers-Scotton (1983; 1993a) yang diterjemahkan dalam model “*negotiation principle*” merupakan satu penemuan yang menarik tentang penggunaan bahasa. Bagaimanapun idea mereka tentang “hak dan tanggungjawab”, “formaliti

dan rasmi” dan seumpamanya telah dikritik kerana kesukaran untuk menjadikannya sebagai landasan untuk membina teori interaksi manusia (MacSwan, 1999: 52).

2.4 Kajian Lain

Selain kajian dalam konteks Malaysia dan kajian yang dibuat dalam konteks bukan Malaysia, terdapat juga beberapa buah kajian lain tentang penukaran kod yang pernah dilakukan di rantau ini. Antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Pascasio (1978) di Filipina dan Fatimah Chuchu (2001) di Brunei Darussalam. Kajian mereka itu wajar dibincangkan kerana perkaitannya dari segi pendekatan dan perspektif yang digunakan dengan kajian ini.

Pascasio (1978) telah menjalankan kajiannya di kalangan masyarakat peniaga Filipina yang melibatkan penukaran kod di antara bahasa Inggeris dan Tagalog. Beliau bukan sahaja berminat untuk mengkaji sejauh mana faktor-faktor sosio-budaya mempengaruhi penukaran kod, bahkan juga ingin mengkaji kedinamisan penukaran kod dari segi fungsi, kekerapan penggunaan dan pola linguistiknya. Selain itu, Pascasio juga berusaha untuk membezakan peminjaman daripada penukaran kod.

Selaras dengan objektif yang ingin mengkaji aspek sosiolinguistik penukaran kod, Pascasio telah menjadikan enam faktor sosio-budaya sebagai angkubah kajiannya, iaitu: (i) hubungan peranan di antara para peserta perbualan; (ii) umur; (iii) gender; (iv) topik perbualan; (v) fungsi ujaran; dan (vi) domain sosial. Dari segi kerangka teoritis kajian, Pascasio telah menjadikan fungsi perbualan Gumperz (1977) sebagai landasan kajiannya. Daripada analisis datanya, Pascasio telah mengenal pasti lapan

fungsi perbualan untuk menjelaskan kenapakah peserta menukar kod. Secara ringkas, fungsi itu ialah: (i) ajukan; (ii) rujukan khusus kepada pendengar; (iii) pengulangan; (iv) peribadi lawan objektif; (v) interaksi; (vi) penentuan kandungan; (vii) pertanyaan lawan memberi maklumat; dan (viii) ekspresi sebagai tanda kesopanan dan penghormatan.

Dapatan kajian Pascasio juga menunjukkan bahawa hubungan peranan di antara peserta perbualan (*interlocutors*) adalah bersifat sementara seperti yang ditunjukkan melalui perbualan di antara penjual dengan pembeli atau antara pekedai dengan pelanggan. Topik perbualan yang mencetuskan penukaran kod pula bergantung keenam-enam faktor sosio-budaya yang telah dikenal pasti itu. Sementara itu, perkataan Inggeris didapati lebih banyak digunakan bagi tujuan peminjaman untuk menampung kekurangan atau ketiadaan perkataan bahasa Filipina dalam domain perniagaan.

Manakala itu, kajian Fatimah Chuchu (2001) tentang penukaran kod di Brunei Darussalam merupakan antara kajian seumpamanya yang terkini. Dalam kajian yang dijalankannya di sebuah sekolah yang terletak di Daerah Brunei-Muara, Fatimah telah menjadikan dua buah kelas murid tahun lima sebagai subjek kajian (Fatimah, 2001: 2, 10). Seperti kebanyakan kajian lain, Fatimah juga mengkaji fenomena penukaran kod dari perspektif linguistik dan sosiolinguistik.

Dari sudut linguistik, Fatimah mementingkan peranan dan status bahasa, iaitu sama ada sesuatu bahasa itu berperanan sebagai bahasa matrik atau sematan dalam wacana dwibahasa. Untuk menentukan status dan peranan bahasa tersebut, Fatimah telah

menggunakan kekerapan penggunaan perkataan dan kegramatisan sebagai kriteria penentu linguistik. Untuk kekerapan perkataan, analisis secara kuantitatif dijalankan, manakala kriteria yang kedua berfokus kepada struktur nahu dan komponen bahasa yang terbabit dalam penukaran kod. Kajian juga mengambil kira penukaran kod pada peringkat ayat dan wacana. Manakala itu, model fungsi perbualan Gumperz (1982) dan klasifikasi lakuan bahasa Searle (1976) digunakan untuk mentafsir dan menghuraikan pola penukaran kod dari perspektif sosiolinguistik.

Melalui analisis data yang diperolehi daripada rakaman interaksi di bilik darjah dan disokong oleh penggunaan soal selidik, Fatimah (2001: 444-457) telah memperoleh beberapa dapatan yang menarik. Pertama, beliau mendapati bahawa penukaran kod mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek sosiolinguistik, khasnya dari segi makna sosial dan tujuan ujaran. Di antara tujuan ujaran yang beliau kenal pasti sering berlaku di bilik darjah ialah untuk penjelasan, kepastian, penekanan dan menarik perhatian. Oleh itu beliau berpendapat lakuan bahasa menggambarkan hasrat atau keinginan penutur (Fatimah, 2001: 444).

Kedua, penggunaan penukaran kod dalam bilik darjah dapat mempermudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam pemerhatiannya, Fatimah mendapati bahawa penukaran kepada bahasa Melayu Brunei sering berlaku dalam interaksi bilik darjah. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa penggunaan bahasa pertama murid-murid boleh digunakan sebagai strategi pengajaran, terutamanya untuk membuat penjelasan, seperti mana katanya:

Thus, this strategy of first language transmission of knowledge and information is believed to be more effective than undiluted second language explanation. This leads to better understanding by the

pupils, which will or should, of course, enhance their academic achievement.

(Fatimah, 2001: 446)

Seterusnya, Fatimah mengemukakan masalah penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sebagai sebab kenapa mereka lebih cenderung untuk menukar kod kepada bahasa Melayu Brunei dan bukannya kepada bahasa Inggeris. Bagi murid-murid Brunei Darussalam, bahasa Inggeris cuma merupakan bahasa kedua atau ketiga mereka, dan oleh itu keupayaan linguistik mereka dalam bahasa tersebut adalah rendah.

Ketiga, amalan penukaran kod dipengaruhi oleh faktor pencapaian akademik. Dalam pemerhatiannya, Fatimah mendapati kanak-kanak Brunei di kelas yang lemah lebih banyak menukar kod kepada bahasa ibunda mereka. Begitu juga keadaannya dalam kelas mata pelajaran Sains dan Matematik. Di antara penjelasan yang diberikan ialah istilah dan konsep dalam sains atau matematik memerlukan penjelasan yang lebih dan cara yang terbaik untuk melakukannya ialah dengan menukar kod kepada bahasa pertama kana-kanak (Fatimah, 2001: 254).

Dapatan lain dalam kajian Fatimah ialah tentang peranan bahasa matrik dalam pembentukan sesuatu ayat dari segi binaan konstituennya. Dalam analisisnya, beliau mendapati bahasa Melayu Brunei dalam banyak situasi menjadi bahasa utama sesuatu wacana dwibahasa di kalangan murid-murid Brunei Darussalam. Dapatan kajian Fatimah, pada keseluruhannya menggambarkan keupayaan linguistik para subjek yang lebih mudah berkomunikasi dalam bahasa Melayu Brunei berbanding dengan bahasa Inggeris.

Selain daripada beberapa kajian yang telah dibincangkan di atas, iaitu sama ada dalam konteks Malaysia atau bukan, terdapat juga beberapa kertas kerja yang telah dibentangkan tentang penukaran kod (Abdullah, 1979; Jacobson dan Safiah, 1987; Ozog, 1987/1990). Pada tahun 1990 Ozog, A.C. telah membentangkan kertas kerjanya tentang penukaran kod yang terdapat di Malaysia dan Brunei Darussalam. Kertas kerja itu adalah berasaskan penyelidikannya di kedua-dua buah negara berkenaan. Kajian Ozog tertumpu kepada domain-domain sosial dan sebab-musabab yang mencetuskan penukaran kod, di samping cuba menentukan perbezaan dari segi sifat dan strategi komunikasi di antara yang terdapat di Semenanjung Malaysia dengan yang terdapat di Brunei Darussalam.

Dalam abstraknya “Code-Switching in Peninsular Malaysia and Brunei Darussalam: A Study in Contrasting Linguistic Strategies”, Ozog (1990) mengatakan bahawa penukaran kod adalah satu strategi komunikasi yang sama-sama diamalkan di kedua-dua negara tersebut. Bagaimanapun, dari segi sifat atau jenis penukaran kod, Ozog mendapatinya tidak sama. Di Semenanjung Malaysia, penukaran kod melebihi peringkat leksikal, malah melebihi ayat atau antara ayat (*inter-sentential*) dengan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan atau utama. Bahasa Inggeris diselang guna tetapi mengikut pola sintaksis bahasa Melayu. Di Brunei Darussalam pula, bahasa Melayu Brunei merupakan kod yang dominan walaupun bahasa Melayu baku menjadi bahasa rasmi negara itu. Penukaran Inggeris-Melayu jarang berlaku. Jika percampuran kod berlaku, ia hanya melibatkan bahasa Melayu Brunei dengan mana-mana bahasa kumpulan etnik yang terdapat di negara itu. Penyisipan atau penggunaan bahasa Inggeris dalam wacana dwibahasa di kalangan orang Brunei jarang berlaku.

2.5 Rumusan Kajian Lepas

Berdasarkan tinjauan beberapa kajian yang lepas, nampaknya terdapat tanggapan di kalangan sarjana sosiolinguistik bahawa penutur mempunyai sebab-sebab tertentu untuk menukar kod. Minat mengkaji fenomena linguistik itu semakin dikukuhkan dengan adanya dapatan-dapatan kajian yang menunjukkan bahawa kemungkinan berlakunya penukaran kod adalah sesuatu yang dapat dikenal pasti (Romaine, 1989; Holmes, 2001). Bertitik tolak daripada keyakinan itu, berlakulah perubahan dalam pendekatan kajian. Hakikat ini dapat diperhatikan apabila kajian-kajian dalam tahun 1980-an bersifat lebih teoritis berbanding dengan yang dilakukan pada tahun-tahun sebelumnya yang berbentuk spekulatif (Jacobson, 1993/1995). Ini bererti kajian-kajian yang dilakukan terkemudiannya banyak cenderung kepada kajian yang berbentuk linguistik untuk menentukan sejauh mana kendala persamaan (*equivalence constraint*) dan kendala morfem bebas (*free morpheme constraint*) boleh digunakan untuk menerangkan tempat atau titik penukaran (*point of switches*) bagi semua bahasa.

Dari sudut sosiolinguistik, penukaran kod dilihat sebagai sinonim dengan proses bilingualisme. Interaksi sosial di antara kumpulan etnik yang berbagai-bagai membolehkan berlakunya penyatuan dwibahasa yang seterusnya bertanggungjawab kepada pencetusan penukaran kod. Oleh itu, ia dianggap sebagai sebahagian daripada cara hidup masyarakat pelbagai bahasa (Asmah, 1982; Kamwangamalu, 1989). Kerana tertarik dengan itu, masyarakat dwibahasa atau berbilang bahasa telah dijadikan para penyelidik sebagai sasaran untuk mengkaji penukaran kod.

Di Malaysia liputan kajian banyak dibuat di kalangan penutur dwibahasa, khasnya mereka yang bermastautin di kawasan bandar. Hanya kajian yang dibuat oleh Farid dan beberapa orang rakan penyelidiknya pada tahun 1987 yang dibuat di kawasan luar bandar. Penukaran kod di kalangan penutur dwibahasa Melayu merupakan yang paling banyak dikaji. Dari segi pendekatan, rata-rata penyelidik tempatan mendasarkan kajian mereka kepada kerangka teoritis yang dipelopori sarjana barat, khususnya Gumperz (1982); Poplack (1988); Kachru (1978a;1983) dan Rayfield (1970). Noor Azlina (1975), umpamanya telah menstrukturkan kajiannya berdasarkan kerangka fungsi perbualan Rayfield (1970) dan begitu juga dengan Ong (1990) dan Chin (1993). Cuma sebagai tambahan, Ong dan Chin telah memasukkan fungsi perbualan Gumperz (1982), Poplack (1988) dan Kachru (1983) ke dalam kajian mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian para penyelidik tempatan semakin menguatkan lagi tanggapan bahawa di sebalik penukaran kod terdapatnya sebab-sebab tertentu yang mencetuskan pengamalnya menggunakan dua atau lebih bahasa yang berlainan dalam suatu wacana yang sama.

Bagaimanapun, satu perkara yang menarik perhatian penyelidik ialah tentang kurangnya kajian yang telah dilakukan di negara ini walaupun penukaran kod telah dikaji secara amat meluas, terutamanya di kalangan pengkaji-pengkaji barat. Kebanyakan kajian yang telah dibuat dalam konteks negara ini adalah yang berkisar kepada masyarakat dwibahasa di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi hasrat penyelidik untuk memperluaskan kajian itu ke negeri Sarawak, khasnya yang berhubungan dengan amalan penukaran kod di kalangan penutur dwibahasa Iban. Dengan berbuat demikian, penyelidik berharap ia akan memberikan perspektif yang berlainan kepada khazanah penyelidikan linguistik di negara ini.